

36 DALAM NEGERI

Lancar Tabung Kemanusiaan Rohingya bantu etnik berkenaan

Angkasa sasar RM8 juta

Oleh LOKMAN HAKIEM
ABD. SAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 SEPT.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melancarkan Tabung Kemanusiaan Rohingya bagi membantu etnik berkenaan yang dizalimi dengan kejam di Myanmar ketika ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa menyasarkan kutipan sebanyak RM8 juta sekiranya semua ahli Angkasa sudi memberi sumban-

gan walaupun dengan sekecil-kecil nilai iaitu RM1 seorang.

“Dalam konteks permasalahan ini, ia bukanlah melibatkan masalah agama, politik atau bangsa tetapi lebih kepada isu kemanusiaan dan seharusnya mereka amat perlu dibantu.”

“Oleh itu saya berharap dalam tempoh sebulan ini, seluruh koperasi di Malaysia mengambil inisiatif untuk menyumbang melalui Angkasa untuk sama-sama mempermudahkan urusan mereka,” katanya di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata demikian selepas memberi sumbangan

bernilai RM20,000 sekali gus melancarkan Tabung Kemanusiaan Rohingya di Auditorium Angkasa, Kelana Jaya.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Bahagian Perkembangan Perhubutan Kementerian Kesihatan Malaysia, Datin Seri Dr. Asmah Samad dan Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahri.

Dalam majlis yang sama, Angkasa dengan kerjasama Pusat Sumber Transplan Nasional turut melancarkan program Kesedaran Derma Organ sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Menurut Abdul Fattah, selain mementingkan soal kemanu-

siaan, Angkasa juga merupakan sebuah organisasi yang berpegang dengan prinsip keprihatinan terhadap masyarakat dan alam sekitar.

“Justeru itu, Angkasa mengambil bahagian mewakili gerakan koperasi Malaysia bagi mempromosikan penjagaan kesihatan dan juga kepentingan menderma organ untuk membantu pesakit yang memerlukannya.”

“Melalui usaha tersebut, Angkasa berharap bilangan penderma Melayu dapat ditingkatkan memandangkan 80 peratus daripada komuniti koperasi adalah terdiri daripada orang Melayu,” katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) mengibarkan Jalur Gemilang bersama petugas dalam Program Kesedaran Derma Organ Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan anjuran Angkasa di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

Perpustakaan Koperasi
Malaysia